

3 lokasi pemerdagangan manusia dikenal pasti

Berita Harian 29/06/2010 M/S 6

Penyeludup bawa masuk pendatang tanpa izin menerusi laluan tikus

SHAHALAM: Tiga lokasi di negeri ini dikenal pasti menjadi tumpuan sindiket pemerdagangan manusia untuk menyeludup keluar masuk pendatang asing secara haram ke negara ini, atau lebih dikenali sebagai laluan tikus.

Tiga lokasi berkenaan ialah di sekitar anak sungai pesisir perairan Selangor di Kuala Langat, Sabak Bernam dan Pelabuhan Klang.

Pegawai Pemerintah Pasukan Gerakan Marin (PGM) Pelabuhan Klang, Deputy Superintendan Norzaid Muhammad Said, berkata ketiga-tiga lokasi itu dikenal pasti hasil operasi berterusan PGM dalam mematahkan kegiatan sindiket terbabit.

Bagaimanapun, sindiket penyeludupan tidak akan menggunakan laluan sama jika menyedari helah mereka sudah dapat dihidu pihak

berkuasa sebaliknya akan mengambil laluan lama bagi mengelak dikesan.

“Ketika ini jumlah penyeludupan masuk warga asing melalui perairan Selangor didapati sudah berkurangan berikutan kekerapan operasi dan jumlah tangkapan yang dibuat.

“Sejak Januari lalu hingga kini, jumlah tangkapan warga asing adalah 184 orang membabitkan 36 kes mengikut Akta Imigresen berbanding 621 orang ditahan, dengan 83 kes mengikut akta sama pada tahun lalu,” katanya ketika dihubungi

FAKTA NOMBOR

621

warga asing

Ditangkap sepanjang 2009

184

warga asing

Ditangkap sejak Januari 2010

Berita Harian.

Norzaid berkata, mengikut maklumat risikan, kebanyakan sindiket penyeludupan itu sudah beralih ke perairan sekitar Johor berikutan kesukaran memasuki negara ini melalui Selangor.

Katanya, kebiasaannya warga asing akan diseludup menggunakan bot dipanggil bot ‘pom pom’ yang berbentuk seperti bot nelayan bersaiz A dan bot berkenaan selalunya dalam keadaan uzur.

Malah, katanya, kebanyakan proses kemasukan secara haram itu menggu-

nakan bot nelayan persendirian dan menyeludup dalam jumlah lima hingga tujuh orang saja.

“Berikutan operasi, pengawasan serta pemeriksaan ke atas bot nelayan yang lebih kerap, kami percaya jumlah kemasukan secara haram ini dapat dikurangkan dari semasa ke semasa,” katanya.

Antara pendatang asing yang ditahan sepanjang operasi PGM membabitkan rakyat Indonesia, India, Afghanistan, Thailand, Nepal, Bangladesh, Myanmar dan Nigeria.